# Strategi RPH

## BAB 1 Pengurusan Sumber Manusia

>>> Panduan RPH

| Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | | Halaman |
|---|---|---|---|---|
| 3.1 Pengurusan Sumber Manusia | 3.1.1 Menyatakan definisi pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan.<br>3.1.2 Menjelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan. Buku Teks m.s 5 – 8 | Soalan 1<br>Soalan 2 | TP1 | 3 |

| BBM | PAK-21 | KBAT |
|---|---|---|
| Buku teks, pen, video, slaid Powerpoint/ kertas sebak | *Think - Pair - Share* | Menganalisis |
| **EMK** | **i-THINK** | **Nilai Murni** |
| Keusahawanan | Peta pokok | Berdikari, bekerjasama |

>>> Cadangan PDPC

1. Guru menunjukkan mana-mana video berkaitan maksud dan peranan pengurusan sumber manusia. Sesi soal jawab perbincangan guru dan murid.
2. Murid perlu melengkapkan slaid Powerpoint atau kertas sebak berkaitan sembilan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan dalam bentuk peta pokok apabila disoal dan dipanggil oleh guru.
3. Guru memberikan Soalan 1 dan Soalan 2 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 3 kepada setiap pasangan.
4. Setiap pasangan yang menerima soalan akan berbincang dahulu untuk menyelesaikan latihan tersebut dalam masa 10 minit.
5. Setelah masa 10 minit tamat, murid dikehendaki membentangkan idea dengan yang lain di hadapan kelas.

>>> Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:
- menyatakan definisi pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan
- menyatakan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan

>>> Panduan RPH

| Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | | Halaman |
|---|---|---|---|---|
| 3.1 Pengurusan Sumber Manusia | 3.1.2 Menjelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan. Buku Teks m.s 6 – 8 | Soalan 3 | TP2 | 4 |

| BBM | PAK-21 | KBAT |
|---|---|---|
| Buku teks, pen *marker*, kertas A4 | *Stir The Class* | Menganalisis |
| **EMK** | **i-THINK** | **Nilai Murni** |
| Nilai murni | – | Bekerjasama, menghormati pandangan |

>>> Cadangan PDPC

1. Kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan duduk dalam bulatan. Ahli kumpulan akan membincangkan soalan berkaitan peranan pengurusan sumber manusia yang diberi oleh guru.
3. Apabila sudah mendapat satu penyelesaian, murid berdiri bahu ke bahu untuk menunjukkan persetujuan.
4. Apabila loceng dibunyikan, ahli yang nombornya dipanggil bergerak ke kumpulan baharu untuk soalan yang berikutnya.
5. Guru bersedia dan membimbing murid melakukan aktiviti.
6. Setelah itu, murid perlu menjawab Soalan 3 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 4 secara individu.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

### Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:
- menjelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan

### Panduan RPH

| Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | | Halaman |
|---|---|---|---|---|
| 3.1 Pengurusan Sumber Manusia | 3.1.4 Menganalisis aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan. Buku Teks m.s 13 – 15 | Soalan 6 | TP3 | **5 – 6** |
| | | Soalan 7 | | |

| BBM | PAK-21 | KBAT |
|---|---|---|
| Buku teks, pen marker, kertas A4 | *Simultaneous Round Table* | Memberi pendapat, mengaplikasi |
| **EMK** | **i-THINK** | **Nilai Murni** |
| Nilai murni | – | Bekerjasama, toleransi |

### Cadangan PDPC

1. Kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat orang.
2. Setiap kumpulan diberikan satu tugasan, iaitu soalan mirip seperti Soalan 7 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 5 – 6.
3. Dalam kumpulan, murid perlu menulis respons atau idea cadangan aspek pengelolaan sumber manusia yang berkesan dalam pembangunan sesebuah perniagaan, iaitu jawapan kepada masalah atau soalan dalam kertas masing-masing.
4. Kemudian, mereka mengedarkan catatan mereka mengikut pusingan jam supaya setiap ahli kumpulan dapat menambah atau membetulkan jawapan yang ditulis. Guru akan memantau dan membantu murid yang memerlukan bimbingan.
5. Setelah siap, guru meminta wakil murid setiap kumpulan bangun untuk berkongsi jawapan yang telah dibincangkan. Guru membuka ruang kepada kumpulan lain yang ingin membuat penambahan. Guru turut akan memberikan komen dan penambahbaikan bagi setiap kumpulan.
6. Akhir sekali, murid perlu menjawab Soalan 7 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 6 secara individu.

### Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:
- menganalisis aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan
- mengaplikasikan peranan pengurusan sumber manusia yang berkesan untuk meningkatkan prestasi sesebuah perniagaan

### Panduan RPH

| Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | | Halaman |
|---|---|---|---|---|
| 3.1 Pengurusan Sumber Manusia | 3.1.2 Menjelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan. Buku Teks m.s 6 – 8 | Soalan 4 | TP4 | **4** |

| BBM | PAK-21 | KBAT |
|---|---|---|
| Buku teks, pen *marker*, kertas A4 | *Showdown* | Menganalisis |
| **EMK** | **i-THINK** | **Nilai Murni** |
| – | – | Bekerjasama, toleransi |

### Cadangan PDPC

1. Guru menerangkan keperluan sumber manusia dari segi kepentingannya dan kesannya kepada sesebuah perniagaan dalam bentuk perbincangan dan soal jawab.
2. Kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
3. Murid menjalankan aktiviti kumpulan dan diberikan soalan petikan ringkas berkaitan keperluan sumber manusia dan kesannya.
4. Pada masa yang ditetapkan, semua murid menunjukkan jawapan secara serentak.
5. Setiap ahli membetulkan dan mengukuhkan jawapan rakan yang lain.
6. Murid menjawab Soalan 4 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 4.

### Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:
- menganalisis keperluan sumber manusia dari segi kepentingan dan kesannya kepada sesebuah perniagaan

>>> Panduan RPH

| Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | | Halaman |
|---|---|---|---|---|
| 3.1 Pengurusan Sumber Manusia | 3.1.5 Menilai hubung kait antara kemahiran kebolehkerjaan yang perlu dimiliki pekerja dengan kejayaan sesebuah perniagaan. Buku Teks m.s 16 – 18 | Soalan 9 | TP5 | **7 – 8** |
| | | Soalan 10 | | |
| | | Soalan 11 | | |

| BBM | PAK-21 | KBAT |
|---|---|---|
| Buku teks, pen *marker*, kertas A4, kertas sebak | *Rotating Review* | Menilai |
| **EMK** | **i-THINK** | **Nilai Murni** |
| – | – | Bekerjasama, menghormati pandangan, mengikut arahan |

>>> Cadangan PDPC

1. Kelas dibahagikan kepada empat kumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang.
2. Guru menyediakan empat set soalan mirip Soalan 10 dan Soalan 11 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 7 – 8 yang hanya diubah perniagaan, nama dan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman bagi setiap soalan.
3. Setiap kumpulan akan membincangkan soalan yang diberikan. Kemudian mereka perlu mencatatkannya di kertas sebak dan memaparkannya di tempat kumpulan masing-masing.
4. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan yang lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan.
5. Setiap kumpulan boleh membuat komen, idea tambahan atau persoalan pada kertas berkenaan dengan menggunakan pen *marker* yang berbeza.
6. Murid perlu menjawab Soalan 10 dan Saoalan 11 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 7 – 8 secara individu.

>>> Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:
- menilai kemahiran kebolehkerjaan yang perlu dikuasai oleh individu dengan keperluan pengurusan sumber manusia bagi sesebuah perniagaan

>>> Panduan RPH

| Standard Kandungan (SK) | Standard Pembelajaran (SP) | Soalan dan Tahap Penguasaan (TP) | | Halaman |
|---|---|---|---|---|
| 3.1 Pengurusan Sumber Manusia | 3.1.6 Mencipta satu struktur organisasi dalam sebuah perniagaan. Buku Teks m.s 21 – 22 | Soalan 12 | TP6 | **9** |

| BBM | PAK-21 | KBAT |
|---|---|---|
| Buku teks, pen *marker*, kertas A4, kertas sebak | *Three Stray, One Stay* | Mencipta, menganalisis |
| **EMK** | **i-THINK** | **Nilai Murni** |
| Teknologi maklumat dan komunikasi | – | Berani, yakin diri |

>>> Cadangan PDPC

1. Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat orang.
2. Guru menyediakan 4 set soalan tentang cara merangka struktur organisasi dan huraian tugas kepada setiap kumpulan.
3. Ahli dalam kumpulan berbincang dan menyelesaikan tugasan dalam masa 15 minit.
4. Selepas 15 minit, murid akan menampalkan hasil kerja mereka pada ruangan kelas.
5. Kemudian, setiap kumpulan perlu memilih seorang wakil tinggal di stesennya manakala tiga orang ahli yang lain bebas bergerak untuk melihat dan menyoal hasil kerja kumpulan lain.
6. Semasa aktiviti dijalankan, guru akan membuat pemantauan dan bersedia memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada murid.
7. Murid perlu menjawab Soalan 12 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 9 secara individu.

>>> Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:
- mencipta satu struktur organisasi dalam sebuah perniagaan
- menghuraikan deskripsi tugas setiap jawatan dalam sebuah perniagaan


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.